

TANGGAL 25 APRIL LALU, DUNIA SEKALI LAGI DIGEMPARKAN KEJADIAN GEMPA BUMI YANG KUAT BERUKURAN 7.9 SKALA RICHTER MELANDA NEPAL. APA YANG PASTI KESAN GEGARAN ITU MENYEBABKAN KEMUSNAHAN TERUK KHUSUSNYA IBU NEGARA TERSEBUT DI KATHMANDU.


Gegaran kuat tidak dijangka itu turut dirasai di seluruh pergunungan Himalaya dan beberapa kawasan di utara negara India. Saat artikel ditulis angka korban masih meningkat dan keseluruhan ketika ini telah mencecah 10,000 orang.

Bagaikan padang jarak padang terkukur, saat kejadian itu berlaku mengakibatkan kebanyakan bangunan, rumah penduduk setempat dan binaan-binaan lain runtuh menyembah bumi. Pakikan jeritan meminta tolong terpelanting di bahu jalan dan beresak-esak bersama satu kumpulan manusia yang ramai mencari lokasi yang lebih selamat antara pengalaman yang tidak boleh dilupa oleh salah seorang peserta Ekspedisi KE7B Kayuhan Altitud Tinggi Annapurna Nepal, Nazahiyah Mohd. Hadzir.

Bertemu HARMONI baru-baru ini, Nazahiyah menyatakan kesuduan berikongsi detik-detik cemas sewaktu peristiwa gempa bumi itu berlaku.

24 APRIL 2015

Hari yang dinanti telah pun tiba. Kami mula berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) kira-kira pukul 3.00 petang. Saya bersama 11 peserta lain bakal serai ekspedisi Kayuhan Altitud Tinggi Nepal anjuran KELAB EXPLORASI 7 BENUA (KE7B).



Detik-detik cemas sewaktu berlaku gegaran

Pukul 7.00 malam, penerbangan Kuala Lumpur – Kathmandu berlepas dan mengambil masa empatjam 45 minit untuk tiba di bumi Nepal pukul 9.30malam waktu Nepal. Kami kemudiannya menuju ke hotel penginapan Thamel Road, bandar Kathmandu.

25 APRIL 2015

Sarapan pagi dan taklimat ringkas pada pukul 9.00 pagi. Perasaan teruja untuk bersiar di Thamel Road membuat-buat kerana disitu bagaikan syurga barangan sukan 'outdoor' yang menawarkan harga murah.

Pukul 10.00 pagi kami berpecah kepada dua kumpulan untuk mencari barang keperluan masing-masing. Saya bersama tujuh rakan lain memulakan langkah dari satu kedai ke satu kedai untuk mencari dan membeli barang keperluan untuk ekspedisi kayuhan esok (Hari Ahad).

Pukul 11.15 pagi, sesudah membeli barang keperluan dan menunggu rakan lain membeli barang, saya dan jurugambar Utusan Malaysia, Asmaruddin Ramdan,

mengambil kesempatan duduk di luar kedai bagi menikmati suasana dan mengamati gambar sekitar bandar ini yang menjadi tumpuan pelancong dan pendaki gunung.

Jam ditangan menunjukkan pukul 11.30 pagi. Sahut seorang rakan yang bernama Baiyz mengajak kami berjalan menuju ke arah hotel. Keranya ingin membeli seluar sebuah kedai yang berdekatan sebelum ke hotel untuk makan tengah hari dan pasang basikal. Setuju dengan ajakan Baiyz, kami pun berjalan semula di kawasan deretan bangunan tingginya lebih kurang empat hingga ke enam tingkat.

Takutnya Tahan saja yang tahu. Dalam keterujaan dan menzuci mata melihat barangan sukan outdoor di kedai sepanjang Thamel Road satu kejadian tidak di sangka telah berlaku. Tanaq sikit pun amaran alam, saya tiba-tiba tercampak ke bahu jalan akibat jatu gegaran yang amat kuat berlaku di kawasan itu.

DUNIA BERGONCANG

Seolah-olah dunia mula bergoncang saya tidak bementi menyebut kaitmah Allah SWT.

Di dalam hati berdentai dan tertanyanya, adakah dunia sudah kiamat? Rasa takut tidak tertahan apabila mendengar ke arah melihat hujan batu-bata yang mulai jatuh ke bumi.

Lantas saya bangun, pandangan ketika itu umpama gelap sekenca di samping menoleh ke kanan dan kiri mencari rakan-rakan lain. Teringatgingga saya rasakan

“SAYA INGAT DUNIA SUDAH KIAMAT”

- NAZAHIYAH

akibat gegaran tersebut. Suasana ketika itu tidak boleh bayangkan dan Allah SWT saia yang tahu.

Keadaan cemas dilihat semakin tidak terkawal. Saya lihat ramai orang bertemparan lari dan menjerit-jerit dalam ketakutan. Dalam keadaan yang kelam-kabut itu juga saya sekali lagi ditimpa musibah apabila dilanggar sebuah motosikal yang tidak bertuan.

Saya tak tahu nak lari kemana dan hanya mengikut sahaja kumpulan besar manusia temparan lari ke satu arah jalan sebelum ditarik oleh lan, Ajoy serta bersama abang Asmaruddin Ramdan serta Wang Ah Thiam menuju kawasan bangunan rendah.

Nauzubillah, tidak tergambar rasanya saat bumi bergoncang kami berlari sejauh 200 meter ke kawasan yang lebih lapang. Sepanjang larian itu saya menyaksikan pelbagai detik yang menakutkan apabila melihat ramai mangsa yang pengsan dan menjerit meminta pertolongan.

Setibanya kami di kawasan yang lebih selamat, saya lihat ribuan penduduk tempatan dan para pelancong berkumpul dalam keadaan cemas dan ketakutan. Di situ jugalah saya baru diberitahu kawasan bandar itu dilanda gempa bumi berukuran 7.9 skala Richter. Subhanallah!! Allahuakbar!!



Misi menyelami mencari mangsa-mangsa di bawah runtuhan bangunan.



Orang ramai membantu menyelamatkan mangsa-mangsa.



Nazahiyah bersama rakan-rakannya di saat tiba di Malaysia.



Orang ramai berkumpul di kawasan yang dilanda gempa bumi dan bising berakut.

TIDUR DALAM KETAKUTAN

Pada masa yang sama, kami masih terpisah dengan empat orang lagi peserta yang agak sukar untuk kami jejak. Namun, Tuhan Maha Kaya kira-kira 10 minit kemudian dalam keadaan beresak-asak dalam ribuan manusia kami akhirnya berjaya menemui mereka semula. Muka mereka kelihatan agak pucat dan trauma dengan kejadian itu.

Selang beberapa minit, Kathmandu bergegar lagi dengan beberapa gegaran susulan. Bangunan dan tiang lampu bergoyang. Keadaan menjadi semakin panik sehingga kami memutuskan untuk bergerak ke arah jalan utama.

Sepanjang jalan boleh dikatakan setiap minit kenderaan ambulans, polis, bomba, dan pasukan keselamatan melintas di hadapan kami. Hati saya tersentuh apabila melihat lebih 50 mayat disusun di perkilangan hospital yang berdekatan. Apa yang menyayat hati sekali saat menyaksikan sekumpulan jururawat dan doktor sedang berusaha menyelamatkan seorang pesakit yang sedang nazak.

Lewat petang, suana sedikit reda dan kami beranikan diri pulang ke hotel yang menjadi tempat penginapan kami. Dalam kelaparan kami hanya sempat menjamah sambal ikan bilis, biskut, brownies dan air mineral yang kami bawa.

Disebelah malam, kami tidak dibenarkan berada dalam bangunan. Sebagai langkah keselamatan, kami diarahkan tidur di jalan raya atau padang. Tawakalnya kami bersama pekerja hotel tidur di hadapan pintu restoran hotel tanpa sebarang khemah.

Rehatlah kami dalam keadaan berjaga-jaga lengkap berkasut dan tapi keledar basikal dalam keadaan berhimpit-himpit disusuli tiga gegeran kecil.

26 APRIL 2015

Gear up! pukul 5:00 pagi semua mula bangun dengan bersemangat. Bersiap untuk mulakan misi Kayuhan Alitud Tinggi. Sementara menunggu pengesahan pihak berkuasa, saya dan lima rakan lain mengambil peluang berkayuh di

Pada sebelah malam, kami diarahkan berlindung di kem pemindahan di ibu pejabat Suruhan Jaya Pilihan Raya Nepal. Di situ semua bangsa sama ada penduduk tempatan dan pelancong berkumpul di situ.

27 APRIL 2015

Bersiap sedia memulakan kayuhan dari kem pemindahan ke lapangan terbang Tribhuvan untuk melakukan pengesahan



Rakaman momen indah bersama peserta KE7B di Lapangan Terbang Subang.

penerbangan balik ke Malaysia. Kami berkayuh sejauh lebih 30 km melalui sebuah kawasan perkampungan yang turut mengalami kerosakan sebelum sampai di lapangan terbang.

Setibanya di sana, saya dapati ramai juga rakyat Malaysia senasib dengan kami berkumpul di lapangan terbang tersebut.

Di sana kami telah berjumpa dengan Encik Fadli wakil kedutaan Malaysia di sana. Beliau memaklumkan pesawat HERCULES C-130 akan tiba pukul 1.30 petang dan penerbangan pulang ke tanah air akan diumumkan pada bila-bila masa.

28 APRIL 2015

Dengan izin-Nya seperti yang dijanjikan kami dimaklumkan bahawa pesawat HERCULES C-130 akan mendarat pada pukul 12.30 malam Lapangan Terbang Subang. Syukur alhamdulillah, melihat reaksi wajah-wajah rakyat Malaysia dalam pesawat ceria seolah-olah tidak sabar untuk menjejakan kaki ke tanah air.

Tiga orang daripada ahli kumpulan kami, Aliif, Harith dan Baiyy memaklumkan untuk terus berada di Nepal. Mereka mengambil keputusan untuk menjadi sukarelawan untuk membantu mangsa gempa bumi di sana. Sebagai tanda penghargaan mereka, kami sepakat untuk menghulurkan sumbangan kewangan untuk kegunaan sepanjang mereka di sana.

Sekalung ucapan terima kasih tidak terhingga kepada keluarga, rakan-rakan yang mendoakan kami pulang selamat. Meskipun tiada rezeki untuk menyelesaikan misi tetapi Allah SWT menggantikannya dengan hikmah yang luar biasa. Tidak semua orang dapat melalui pengalaman ini. Nepal we all comeback! Inshaallah. H